

Sebab2 RME dikaji semula

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Keempat (RME) memandangkan keadaan ekonomi negara terus merosot.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, RME tidak terjejas teruk tetapi ia perlu dikaji semula bagi memastikan projek-projek perlu dilaksanakan mengikut keutamaan.

Katanya, beliau menyedari bahawa pelaksanaan RME terjejas tetapi tidak teruk seperti yang diramalkan.

Beliau menegaskan demikian dalam sidang akhbar mengumumkan senarai baru anggota Kabinet Bersih, Cekap dan Amanah di Jabatan

Perdana Menteri pagi ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, di samping itu juga Kerajaan akan cuba mendapatkan pinjaman kewangan bagi melaksanakan projek-projek yang dirancang.

Menjawab satu soalan beliau berkata, keutamaan projek yang akan dilaksanakan itu akan dikaji satu persatu sebelum tindakan selanjut dibuat.

"Projek sosio ekonomi dan pertahanan tidak juga akan dikaji mengikut keutamaan mereka," tegas beliau.

Beliau juga menerangkan pihaknya akan menyesuaikan antara perbelanjaan dan pendapatan negara.

"Ini juga termasuk rancangan untuk mendapatkan pinjaman un-

tuk melaksanakan projek-projek yang dirancangkan itu," tegas beliau.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan ada projek-projek yang akan lambat dilaksanakan.

Di samping itu, kata beliau, Kerajaan bercadang untuk mengurangkan pengeluaran bijih timah seperti yang dipersetujui.

"Pengurangan tersebut mungkin lebih dari yang dipersetujui oleh Majlis Bijih Timah Antarabangsa.

"Bagaimanapun, ini terletak kepada keadaan pemasaran."

Mengenal pentadbiran barunya, beliau menegaskan tidak ada perubahan besar dalam dasar yang ditentukan sama ada ekonomi mahu pun dasar luar.